

| | | | |
|------------|--|-------------|---------------------|
| Headline | Pokok jati jadi tarikan ekopelancongan | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Utara) | | |
| Date | 14 Jun 2012 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 60,000 |
| Page No | u8 | Readership | 180,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 218 cm ² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,199 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,597 |



Pokok jati jadi tarikan ekopelancongan

MATA AYER - Usaha Kerajaan Negeri dalam membantu menjadikan negeri itu salah satu destinasi pelancongan bercorak alam sekitar dapat dilihat dengan kerjasama dua jabatan untuk menjayakan ekopelancongan yang akan dirasmikan oleh Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamalullail, hari ini.

Usaha sama Jabatan Perhutanan Negeri Perlis dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (Frim) itu bertujuan untuk menjadikan Malaysia khususnya Perlis sebagai salah satu destinasi pelancongan kerana mempunyai dirian jati yang tertua di sebelah Semenanjung.

Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Perlis, Ridzuan Salleh berkata, sehingga kini pihaknya sudah menanam pokok jati melibatkan 625 hektar tanah di seluruh Perlis, dimana keluasan terbabit mempunyai potensi tinggi untuk dijadikan pusat agro pelancongan hutan.

Ridzuan berkata, tanaman jati di negeri itu merupakan hasil yang terbaik dan menjadi ikon kepada Perlis malah negara ini dalam pengeluaran kayu jati yang bermutu tinggi.

"Jati di negeri ini kualitinya tidak sama dengan tempat lain. Tetapi kayu jati di Perlis hampir sama dengan jati di Brunei dan Thai.

"Selain dapat membantu menyamankan udara, ia juga punca pendapatan pengusaha ladang jati milik persendirian," katanya semasa menyampaikan taklimat di Frim, di sini.

Sementara itu, Ketua Pengarah Frim, Datuk Dr Abd Latif Mohmod turut mengulas mengenai inisiatif pihaknya untuk menghitung jejak karbonnya (carbon footprint) yang bermula sejak tahun 2011 atas tujuan menjimatkan tenaga dengan mengurangkan pembaziran dan kos operasi.

Beliau berkata, inisiatif terbabit menunjukkan kesungguhan serta komitmen Frim terhadap penjagaan alam sekitar kerana ia mampu memberi penjimatan.

Menurutnya, Frim merupakan institusi pertama di Malaysia yang mengisytiharkan pelepasan karbonnya dan seterusnya dapat melindungi alam sekitar.

"Saya berharap usaha ini dapat menggalakkan organisasi lain untuk turut serta menghitung jejak karbon mereka bagi memastikan perancangan pengurusan tenaga yang lebih cekap dan menyumbang terhadap usaha pemuliharaan alam sekitar dan hutan negara," katanya.

“ Jati di negeri ini kualitinya tidak sama dengan tempat lain.”

Ridzuan



Ridzuan (kanan) bersama Abd Latif (kiri) memeluk salah satu pokok yang terbesar di dalam plot 17 Hutan Simpan Mata Ayar Mukim Titi Tinggi.